

SOALAN NO. : 119

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

NO. RUJUKAN : DR04

SOALAN:

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status dan perkembangan projek mencegah hakisan pantai di Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telipot, Kuala Nerus.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Projek kecemasan untuk mencegah hakisan pantai di Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telipot, Kuala Nerus telah dilaksanakan pada 25 Februari 2016. Struktur yang dibina di kawasan tersebut adalah struktur lapis lindung batu (*rock revetment*) di sepanjang 700 meter. Status terkini kemajuan projek tersebut adalah 50% dan dijangka siap pada 23 Jun 2016.

Sekian, terima kasih